

BH 18 AUG 2001  
Mahathir

## lawat Hadramaut

SEMJN, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di **sini**, hari ini bagi melakukan lawatan ke Wilayah Hadramaut.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri serta **rombongan** di Lapangan Terbang Saiyun disambut oleh Gabenor Hadramaut, Abdul Kader Ali Hilal serta **pemimpin** tempatan.

**Selepas** itu, Dr Mahathir berlepas dengan **helikopter** ke Universiti Al-Ahqaf untuk **bertemu** pelajar Malaysia daripada Fakulti Undang-undang di **sini**.

Sebelum itu, perjalanan darat rombongan **Perdana Menteri** ke universiti itu di Ta'arim kira-kira 40 kilometer dari **sini** tersekat **akibat** jalan yang dilalui **ditenggelami** banjir **kilat**.

**Perdana Menteri** kemudian menunaikan **solat Jumaat** di **Masjid** Al-Ramidhah dan selepas itu **bertemu dengan** ulama tempatan di Darul Mustaffa.